



KENYATAAN MEDIA TIMBALAN PERDANA MENTERI

MALAYSIA TEGASKAN KOMITMEN PERKASA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI 14TH AMRDPE BANGKOK

Hari ini saya telah mewakili Malaysia dalam menyampaikan kenyataan Menteri dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (14th AMRDPE) di Bangkok, Thailand, sekali gus membincangkan hala tuju strategik pembangunan luar bandar di rantau ini.

Dalam kenyataan saya, saya menegaskan komitmen Malaysia untuk memperkukuh pembangunan luar bandar yang inklusif dan berdaya tahan — berasaskan inovasi, penglibatan komuniti, pendigitalan serta peluasan TVET sebagai pemacu utama kesejahteraan rakyat dan pembasmian kemiskinan.

Malaysia terus melaksanakan pelaburan besar dalam infrastruktur luar bandar, termasuk RM2.3 bilion bagi 1,364 projek jalan, RM195.2 juta untuk bekalan air bersih kepada 5,000 rumah, RM162.9 juta bagi memastikan bekalan elektrik luar bandar yang stabil kepada 2,010 penerima, dan RM364.45 juta melalui Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) yang membantu lebih 10,000 keluarga meningkatkan kualiti hidup mereka.

Selain itu, usaha meningkatkan sosioekonomi luar bandar turut diperkukuh melalui sokongan kepada 55,400 usahawan, khususnya melalui aspek pendigitalan bagi membolehkan mereka menembusi pasaran yang lebih luas di seluruh ASEAN.

Saya juga berkongsi mengenai inisiatif Desa Kirana, yang mempromosikan 25 destinasi agro dan ekopelancongan sebagai usaha memastikan masyarakat luar bandar turut menikmati limpahan ekonomi pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Usaha-usaha ini kini menampakkan hasil yang ketara dengan kadar kemiskinan tegar Malaysia menurun kepada 0.09% berdasarkan HIES 2024, berbanding 0.2% pada 2022 - membuktikan strategi pembangunan luar bandar negara berada pada landasan yang tepat.

Justeru, bagi memperkukuh kerjasama serantau, Malaysia telah mencadangkan penubuhan **ASEAN Rural Development & Innovation Council (ARDIC)** sebagai platform tetap bagi **menyelaras dasar, berkongsi inovasi dan memperkukuh pembangunan luar bandar secara kolektif**. Sehubungan itu, ARDIC dijangka menjadi pemangkin penting dalam **memperkasa pertukaran teknologi, amalan terbaik dan kepakaran antara semua 11 negara ASEAN**.

Tambahan itu, selaras dengan **pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 6 Julai tahun ini**, Malaysia juga akan memperkenalkan **Hari Pembangunan Luar Bandar tahun hadapan** sebagai usaha menonjolkan peranan komuniti desa dalam mencapai **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan membina kehidupan yang lebih baik untuk rakyat luar bandar**.

Mesyuarat turut menyaksikan dua organisasi dari Malaysia — Energy Action Partners (ENACT) dan GE Nitrate Solutions menerima Anugerah Kepimpinan ASEAN sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan terus memainkan peranan yang konstruktif dan berwibawa dalam kerangka ASEAN, dengan komitmen memastikan komuniti luar bandar menjadi penerima manfaat utama pembangunan serantau menjelang ASEAN 2045.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

Bangkok, Thailand

12 Disember 2025